

SAMBAR GILA GUNUNG
White-throated Fantail

FAMILI: Rhipiduridae
NAMA SAINTIFIK: *Rhipidura albicollis*

CIRI-CIRI

Individu dewasa sub-spesies *R.a.celsa* mempunyai bulu kelabu gelap ke hitam dengan kening dan tekak putih yang jelas kelihatan. Ekor berbentuk kipas dengan hujung putih. Dagu pula berwarna kehitaman. Individu juvenil hampir sama seperti individu dewasa tetapi bahagian atas badan sedikit coklat, skapular dan bulu pahat ekor bercorak seperti sisik berwarna coklat. Bulu pahat sayap mempunyai hujung dengan warna yang sama. Pada bahagian bawah badan, terdapat jalur yang kurang jelas dan tiada warna putih pada tekak. Kening biasanya sedikit kuning pucat. Sub-spesies lain yang boleh ditemui di Asia Tenggara ialah *R.a.cinerascens* di selatan Indochina, *stanleyi* di barat dan utara Myanmar dan *atrata* di selatan Thailand hingga ke bawah. Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 17.5-20.5 sm.

MAKANAN

Dietnya terdiri daripada serangga yang ditangkap semasa terbang.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di hutan dipterokarp, gugusan pokok dan buluh di kawasan pertanian, dan taman 600-3,050 m dari aras laut (sehingga ke paras laut di Indochina).

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi kicauan yang mengandungi empat hingga lapan siri dengan selang yang tidak seragam, jelas, bernada tinggi dan nada yang semakin rendah iaitu *tsu sit tsu sit sit sit sit-tsu*. Bunyi panggilan pula kasar dan berdecit iaitu *jick* atau *wick*.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Februari hingga Mei. Individu betina boleh menghasilkan 2-4 biji telur berwarna putih hingga krim dengan tompok coklat kekuningan, coklat-kelabu, kelabu pudar atau hitam. Sarangnya berbentuk seperti cawan yang kemas dan dalam, pada dahan yang bercabang atau dahan belukar, kira-kira 1.2-3.0 m dari tanah.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.